

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH	: 11 JANUARI 2022
AKHBAR	: BERITA HARIAN
PAUTAN	<a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1050538/two-countries-twin-parks-perkukuh-hubungan-malaysia-china">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/01/1050538/two-countries-twin-parks-perkukuh-hubungan-malaysia-china</a>

### 'Two Countries, Twin Parks' perkukuh hubungan Malaysia-China



KUALA LUMPUR: Kerjasama ekonomi antara China dan Malaysia terus diperkuat melalui promosi perdagangan 'Two Countries, Twin Parks' di negara ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Perdagangan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Fu Jinming berkata, baru-baru ini pihaknya telah melakukan lawatan ke Malaysia bagi menjalankan beberapa siri aktiviti promosi pertukaran idea dan perdagangan.

"Selain itu, ia bertujuan mengeratkan kerjasama antara kedua-dua pihak dan mendorong peningkatan dan pembangunan 'Two Countries, Twin Parks',

"Pada 10 Januari, Taman Logistik Antarabangsa Kuantan Malaysia-China (MCKILP) juga menyambut ulang tahun ke-10 penubuhannya," katanya berucap di Majlis Pelancaran 'Two Countries, Twin Parks' Antara Jabatan Perdagangan Wilayah Autonomi Guangxi, ECERDC dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di sini, semalam.

Katanya, lebih 50 perusahaan penting, institusi kewangan dan persatuan perniagaan dari Guangxi dan Malaysia mengambil bahagian dalam sesi promosi berkenaan.

"Kerjasama China dan Malaysia dalam 'Two Countries, Twin Parks' berkenaan telah melalui tempoh 10 tahun dan mencapai hasil yang begitu luar biasa.

Sementara itu, Pengarah Bahagian China, Jabatan Perhubungan Ekonomi dan Perdagangan Dua Hala MITI, Unny Sankar Ravi Sankar berkata, kejayaan Taman Perindustrian Malaysia-China di Kuantan adalah bukti kerjasama yang membawa perubahan hasil daripada Malaysia dan China di semua peringkat.

Katanya, kejayaan berkenaan secara tidak langsung akan membawa hubungan antara kedua-dua negara ke peringkat baharu di masa hadapan.

"Ketika sesi pertukaran idea dan promosi berkenaan, kedua-dua pihak telah menandatangani memorandum kerjasama ekonomi dan perdagangan.

"Selain itu, beberapa kontrak perdagangan dan perolehan atau projek kerjasama pelaburan ditandatangani antara perusahaan di kedua-dua negara.

"Ia meliputi sektor perolehan minyak sawit, eksport produk kayu, perolehan bijih, jualan modul solar, produk makanan seperti durian termasuk hasil sarang burung," katanya.